

06 MAR 2000

Indonesia-Mahathir

JADUAL PADAT MENANTI LAWATAN DR MAHATHIR KE INDONESIA

JAKARTA, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai aturcara yang padat dalam lawatan rasmi beliau ke sini pada Khamis ini.

Dr Mahathir, yang akan diiringi rombongan 100 ahli perniagaan Malaysia, dijadual mengadakan perbincangan dengan Presiden Abdurrahman Wahid di Istana Negara selepas tiba.

Kedua-dua pemimpin itu akan mengadakan sidang akhbar bersama apabila perbincangan mereka tamat.

Selepas itu, Dr Mahathir dijadual menghadiri pertemuan ahli-ahli perniagaan Malaysia dengan Abdurrahman, yang juga dikenali sebagai Gus Dur, dan tokoh-tokoh perniagaan Indonesia berhubung peluang perniagaan dan kerjasama yang boleh diceburi di negara ini.

Pada lewat petang, Dr Mahathir akan mengadakan majlis pertemuan dengan masyarakat Malaysia di Indonesia di sebuah hotel terkemuka di sini.

Pada sebelah malamnya, Dr Mahathir dan rombongan akan diraikan pada satu majlis jamuan negara di Istana Negara sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada awal pagi berikutnya.

Lawatan itu yang pertama dilakukan beliau ke sini selepas Gus Dur menjadi presiden keempat Indonesia dalam pemilihan di Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) pada Oktober tahun lalu.

Gus Dur menghantar jemputan secara khusus kepada Dr Mahathir menerusi Menteri Luar Alwi Shihab, yang mengunjungi Kuala Lumpur bulan lepas.

Jemputan itu atas rasa hormat Gus Dur terhadap kepimpinan Dr Mahathir dan membolehkan beliau meninjau secara lebih dekat kemungkinan membantu Indonesia mengatasi masalah ekonomi yang tercetus akibat krisis kewangan bermula pertengahan 1997, kata Alwi.

Gus Dur telah mengadakan lawatan ke Malaysia, selepas dipilih sebagai ketua kerajaan baru negara ini.

--BERNAMA

OPP NAK